

Belum ada bukti mangkuk peninggalan Nabi Muhammad

» Kisah penemuan oleh Ketua Negara Republik Chechen jadi viral

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
mnasaruddin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Cerita penemuan mangkuk didakwa hasil peninggalan Nabi Muhammad SAW oleh Ketua Negara Republik Chechen, Ramzan Kadyrov sekitar September 2011 lalu menggemparkan banyak pihak.

Kadyrov, yang kini memimpin Parti Russia Bersatu mendakwa menerima mangkuk itu dari London, menerusi seorang individu yang menurutnya ada pertalian saudara dengan keturunan Rasulullah sebelum ia dibawa pulang ke wilayahnya.

Sama ada artifak diperbuat daripada tanah itu benar atau tidak, kesahihannya sehingga kini belum dapat dibuktikan sarjana serta cendekiawan yang mengkaji bidang tamadun Islam, biarpun ia masih 'viral' di media sosial.

Pelbagai barangan

Berdasarkan laporan media Russia, mangkuk itu kini ditempatkan di sebuah masjid utama di wilayah Grozny, bandar utama dalam Chechen, dengan Kadyrov dilantik sebagai kurator rasmi bagi menjaga artifak dianggar berusia lebih 1,400 tahun itu.

Penemuan pelbagai barangan kepunyaan Rasulullah seperti helaian rambut, pedang, tapak kaki, jubah, serban dan gigi juga pernah dihebahkan, dengan sebahagiannya ada dipamer di beberapa muzium dan masjid terkemuka di serata dunia.

Antaranya di Muzium Topkapi, Istanbul, Turki; Masjid Hussain, Masjid Zainab dan Kubah Al-Ghauri di Mesir serta Bangunan Qal'ah,

Al-Awqaf dan 'Abidin di Kaherah.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata sebarang penganjuran acara membabitkan peninggalan barang Rasulullah SAW perlu dibuat dengan tertib, paling penting kesahihan terhadap barangan itu mesti dibuktikan dulu.

Katanya, pada asasnya semua pihak pastinya menyokong sebarang usaha dalam memartabatkan syiar Islam, termasuk memberi pencerahan kepada masyarakat berkenaan dengan *athar* yang *thabit* daripada Rasulullah seperti pedang Baginda.

Elak anjur pameran

"Tetapi jika sekiranya perkara itu tidak boleh disahkan oleh mana-mana sejarawan dan ulama yang thiqah, maka sepatutnya hendaklah dielakkan daripada menganjurkan sebarang acara (pameran)," katanya.

Sementara itu, Dekan Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Wan Kamal Mujani, menyatakan sememangnya ada dikisahkan mengenai penemuan jubah Rasulullah SAW sebelum ini.

Namun, katanya kesahihannya belum dapat ditentukan memandangkan pelbagai siri peperangan dan perubahan kepemimpinan yang berlaku selepas kewafatan Baginda.

"Sejarah kisah Nabi Muhammad SAW itu panjang. Kita akui ramai menyatakan menemui pelbagai barangan zaman Baginda terutama di negara Arab, tapi ia mesti dibuktikan dengan penyelidikan,"

katanya.

Beliau berkata, mempercayai bulat-bulat sesuatu barangan itu adalah benar milik Nabi Muhammad tanpa pengesahan, boleh menimbulkan keraguan apatah lagi kini ia mula dikaitkan dengan amalan khurafat.



“*Pada asasnya semua pihak pastinya menyokong sebarang usaha dalam memartabatkan syiar Islam, termasuk memberi pencerahan kepada masyarakat berkenaan dengan athar yang thabit daripada Rasulullah seperti pedang Baginda.*

Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri,
Mufti Wilayah Persekutuan